iMUSLIM PRESS

SAMPEL BACAAN · SIRI ASAS ISLAM

Baca Dulu, *Baru Pilih.*

Halaman sebenar daripada tiga buku asas, dengan isi utama dan petikan penting yang telah kami tandakan.



DR KAMARU SALAM YUSOF

bersama Ustazah Suwaibah Muda & Susilastuty Amruddin

SOROTAN KUNING = PETIKAN UTAMA

PENGANTAR

Nak mula faham Islam, tapi tak tahu dari mana?

Ramai antara kita solat setiap hari, membaca surah yang sama berulang kali dan mendengar hadis dalam ceramah. Tetapi bila ditanya apa sebenarnya asas Islam, atau apa maksud surah yang kita baca semalam, kita terdiam.

Siri Asas Islam menyusun satu jalan yang jelas, langkah demi langkah.

TIGA LANGKAH

01

FAHAM

20 Asas Memahami Islam

Betulkan cara kita faham Islam: kerangka, rujukan dan adab berbeza pendapat.



02

TADABBUR

Tadabbur Juzuk 30

Hubungkan hati dengan surah yang kita baca dalam solat setiap hari.



03

AMAL

Refleksi Hadis 40

Bawa sunnah Nabi SAW ke dalam hidup: niat, hati, lidah dan masa.




ISI TEASER

Buku 1 · 20 Asas Memahami Islam 3
Buku 2 · Tadabbur Juzuk 30 13
Buku 3 · Refleksi Hadis 40 23
Tentang penulis 33
Cara tempah 34

20 Asas Memahami Islam

Faham dulu. Barulah amal berdiri di atas tapak yang betul.



ISI UTAMA

- Disadur daripada Nazarat fi Risalah al-Ta'alim, Syeikh Abdullah Al-Khatib (Al-Azhar Al-Sharif).
- Setiap kaedah: matan Arab, terjemahan, penjelasan dan dalil.
- Infografik dan senarai semak Muhasabah Diri pada setiap kaedah.

207	20	4
HALAMAN	KAEDAH	KELOMPOK TEMA

DALAM SAMPEL INI

Senarai kandungan 4
Pentingnya kefahaman yang tepat 5
Halaman quote Kaedah Pertama 10
Matan Usul 1 & terjemahan 11
Infografik & senarai semak 12

KANDUNGAN

PENTINGNYA KEFAHAMAN YANG TEPAT	**1**
KAEDAH 1	15
KAEDAH 2	**30**
KAEDAH 3	**41**
KAEDAH 4	**50**
KAEDAH 5	**58**
KAEDAH 6	**73**
KAEDAH 7	**81**
KAEDAH 8	**88**
KAEDAH 9	**96**
KAEDAH 10	**108**
KAEDAH 11	**117**
KAEDAH 12	**125**
KAEDAH 13	**131**
KAEDAH 14	**143**
KAEDAH 15	**152**
KAEDAH 16	**158**
KAEDAH 17	**167**
KAEDAH 18	**175**
KAEDAH 19	**185**
KAEDAH 20	**195**
LAMPIRAN	201

PENTINGNYA KEFAHAMAN YANG TEPAT

Suatu yang baik untuk kita mulakan dengan menjelaskan suatu yang sangat-sangat penting mengenai perbincangan kita.

Matlamat kita semua sebagai muslim ialah mencapai redha Allah. Ia tidak akan tercapai tanpa kita semua beramal dan menegakkan Islam ini di dalam diri kita dan di dunia yang kita huni ini.

Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

"Sesungguhnya agama yang diredhai di sisi Allah ialah Islam".
(Ali ‹Imran: 19)

Firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala lagi:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

"Pada hari ini Aku telah sempurnakan untuk kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan bagi kamu ni›matKu serta Aku telah meredhai Islam sebagai agama kamu".
(Al-Maidah:3)

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ

"Sesiapa yang mengikut agama yang lain dari Islam, maka tidak diterima daripadanya, dan pada hari Akhirat, dia termasuk di kalangan orang-orang yang rugi".

(Ali 'Imran:85)

Di dalam hadis sahih Rasulullah SAW bersabda, maksudnya:

"Demi jiwa Muhammad berada di dalam genggamanNya, tidak seorangpun dari umat ini, samada Yahudi atau Nasrani yang mendengar tentangku, kemudian dia mati dalam keadaan tidak beriman dengan ajaran yang dibawa olehku, melainkan dia termasuk di kalangan ahli neraka".

Sangat penting bagi mencapai redha Allah dan usaha menyebarkan Islam ini tanpa kefahaman Islam yang benar dan tepat, sebagaimana yang dibawa oleh Rasulullah Sallallahu alaihi Wasallam. Islam tidak mungkin akan tertegak dengan kefahaman yang tidak betul, menyeleweng atau salah.

Banyak perkara yang telah memecahbelahkan umat Islam. Antaranya ialah perselisihan mereka dalam memahami apa itu Islam..!

Kerana itu perlu ditekankan tentang kefahaman yang sahih dan tepat terhadap Islam. Kalaulah kefahaman tidak ditekankan, nanti akan timbullah dalam kalangan umat Islam madrasah-madrasah fikriah (cara fikir) yang bermacam-macam dan umat tidak akan menjadi umat yang satu.

nyata. Maha Suci Allah dan aku tidak termasuk di kalangan orang-orang musyrik".
(Yusuf: 108)

Semasa awal abad ke 20, dunia Islam hampir semuanya dijajah oleh kuffar barat. Kefahaman Islam yang menyeluruh 'syumul' amat asing di mata manusia pada ketika itu. Tulisan-tulisan ulama-ulama moden semasa seperti Al-Maududi, Muhammad Al-Ghazali, Yusuf Al-Qardhawi, dan lain-lain banyak membuka fikiran manusia pada masa itu. Orang-orang yang berpengetahuan agama sendiri pada masa itu menganggap fikiran ini adalah bid›ah yang tidak ada kaitan dengan Islam.

Kumpulan Islam sendiri pada masa tersebut telah tergelincir ke dalam kefahaman sempit ini. Setiap mereka mengambil satu aspek daripada aspek-aspek Islam, menyeru manusia ke arahnya dan mempertahankannya. Seolah-olah itulah satu-satunya Islam. Keadaan mereka samalah dengan kisah sekumpulan orang buta dengan gajah. Setiap orang yang bekerja untuk Islam semasa itu bekerja untuk kebaikan bidang yang mereka tersebut.

Sehinggakan kumpulan Islam tadi berkembang dan mula mengambil fikrah dan gambaran mereka tentang Islam mula berdasarkan kepada pandangan kesyumulan yang baru ini. Alhamdulillah, kita melihat pendekatan fikrah antara kumpulan-kumpulan Islam semakin bertambah dari sehari ke sehari.

SEBAB PENYELEWENGAN

Walau bagaimanapun, masih terdapat sesetengah kumpulan Islam ini yang menyeleweng samada kerana jahil atau mengikut hawa

Kefahaman yang sahih akan membantu betulnya amal, cantiknya amalan dan mengawal seseorang daripada tergelincir.

‹Umar bin Abdul Aziz r.a pernah berkata:
«Sesiapa yang beramal tanpa ilmu, dia lebih membawa keburukan daripada kebaikan».

Rasulullah SAW telah menghukum 'sesat' terhadap satu kelompok dan mengatakan bahawa mereka adalah sejahat-jahat makhluk walaupun mereka melakukan amalan yang banyak seperti sembahyang, puasa, membaca Al-Quran dan sebagainya.

Siapakah mereka?

Rasulullah SAW bersabda mengenai Khawarij dan pemimpin mereka.

«Sesungguhnya dia mempunyai pengikut-pengikut yang salah seorang dari kamu akan memandang hina sembahyangnya kalau dibandingkan dengan sembahyang mereka dan memandang hina puasanya kalau dibandingkan dengan puasa mereka, mereka membaca Al-Quran tetapi tidak melepasi kerongkong mereka».

Sabda baginda lagi yang bermaksud ;

«Mereka adalah sejahat-jahat akhlak dan makhluk».

Kesesatan ini adalah disebabkan oleh penyakit kefahaman yang melencong dan menyeleweng.

Ya, suatu kelebihan bukannya dikira dengan sebab banyak ilmu, banyak hafalan dan banyak amalan, tetapi ianya bermula dengan kefahaman yang betul dan kesejahteraan pengetahuan.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

«Seorang yang faqih (faham) lebih digeruni oleh syaitan daripada seribu ahli ibadat (‹abid).”

‹Umar bin Al-Khattab r.a berkata:
«Kematian seribu orang ‹abid yang beribadat pada malam hari dan berpuasa pada siang hari lebih ringan daripada kematian seorang alim yang tahu perkara yang dihalal dan diharamkan oleh Allah swt».

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud;

«Allah memperelokkan muka seseorang yang mendengar satu hadis dari kami, lalu beliau menghafalnya sehingga menyampaikannya kepada orang lain. Berapa ramai orang yang membawa kefahaman kepada orang yang lebih faham darinya dan berapa ramai orang membawa kefahaman bukanlah terdiri dari orang yang faham».

Ya, hafalan merupakan sesuatu yang baik, tetapi ia adalah seperti jasad yang tidak hidup melainkan dengan roh. Roh itu ialah kefahaman.

Allah swt telah melebihkan seorang nabi ke atas nabi yang lain dengan sebab diberikan kefahaman yang mendalam. Allah swt berfirman;

فَفَهَّمْنَاهَا سُلَيْمَانَ وَكُلًّا آتَيْنَا حُكْمًا وَعِلْمًا

«Maka Kami telah memberi kefahaman kepada Sulaiman (tentang hukum yang lebih tepat), dan kedua[a]duanya Kami kurniakan hikmat dan ilmu».
(Surah Al-Anbiyaa›: 79)

Islam bukan hanya tentang sembahyang dan puasa. Islam adalah cara hidup yang lengkap dan menyeluruh.

Kaedah Pertama — 20 Kaedah Asas Memahami Islam

"Dan Kami turunkan Kitab kepada kamu dengan menerangkan setiap sesuatu."

— An-Nahl: 89

USUL 1

Islam adalah agama yang menyeluruh dan lengkap.

اَلإِسْلاَمُ نِظَامٌ شَامِلٌ يَتَنَاوَلُ مَظَاهِرَ الحَيَاةِ جَمِيعًا، فَهُوَ دَوْلَةٌ وَوَطَنٌ أَوْ حُكُومَةٌ وَأُمَّةٌ، وَهُوَ خُلُقٌ وَقُوَّةٌ أَوْ رَحْمَةٌ وَعَدَالَةٌ، وَهُوَ ثَقَافَةٌ وَقَانُونٌ أَوْ عِلْمٌ وَقَضَاءٌ، وَهُوَ مَادَّةٌ وَثَرْوَةٌ أَوْ جَيْشٌ وَفِكْرَةٌ، كَمَا هُوَ عَقِيدَةٌ صَادِقَةٌ وَعِبَادَةٌ صَحِيحَةٌ سَوَاءً بِسَوَاءٍ.

TERJEMAHAN · BAHASA MELAYU

Islam ialah satu sistem yang menyeluruh yang merangkumi semua aspek kehidupan. Ia adalah daulah dan tanah air ataupun kerajaan dan umat. Ia adalah akhlak dan kekuatan ataupun rahmat dan keadilan. Ia adalah pengetahuan dan undang-undang ataupun keilmuan dan kehakiman. Ia juga adalah kebendaan dan harta ataupun kerja dan kekayaan. Ia adalah jihad dan dakwah ataupun ketenteraan dan fikrah. Sebagaimana juga ia adalah akidah yang benar dan ibadat yang sahih, kesemuanya adalah sama pengiktibarannya di sisi kita.

KAEDAH PERTAMA · KAEDAH 01 / 20

01 Islam Adalah Sistem Yang Menyeluruh

Semua aspek kehidupan diurus oleh Islam — bukan sekadar solat dan puasa sahaja.

◆ ◆ ◆

ISLAM SYUMUL — MERANGKUMI SEMUA ASPEK

8 ASPEK

01 **Akidah** Kepercayaan & tauhid kepada Allah	02 **Ibadat** Solat, zakat, puasa, haji & umrah	03 **Akhlak** Adab, budi pekerti, pembersihan jiwa	04 **Ekonomi** Perniagaan, larangan riba, hak harta
05 **Pemerintahan** Keadilan, undang-undang, kehakiman	06 **Sosial** Keluarga, perkahwinan, masyarakat	07 **Ilmu** Menuntut ilmu, mendidik ummah	08 **Dakwah** Menyebar Islam, mempertahan agama

APA YANG PERLU & TIDAK PERLU DILAKUKAN

PERLU VS ELAKKAN

✓ PERLU DILAKUKAN	✕ PERLU DIELAKKAN
✓ Amalkan Islam secara menyeluruh Solat dan berlaku adil dalam kerja	✕ Islam hanya di surau dan masjid "Kerja lain, agama lain"
✓ Bawa nilai Islam ke tempat kerja Amanah, jujur, tepati masa	✕ Ibadat tapi zalim dalam kerja Solat rajin tapi rasuah tetap jalan
✓ Ikut hukum Islam dalam perniagaan Elak riba, tipu, kontrak haram	✕ Islam hanya untuk hari akhirat Buat jahat sebab "dunia sementara"
✓ Libatkan diri dalam isu masyarakat Suara keadilan, bantu sesama	✕ Pilih-pilih hukum ikut suka Ambil yang senang, tinggal yang susah

CONTOH SITUASI KEHIDUPAN HARIAN

3 SENARIO

01 Di Tempat Kerja

Muslim sejati tidak curi tulang, tidak rasuah, tidak aniaya pekerja.

02 Dalam Keluarga

Suami adil kepada isteri, ibu bapa ajar anak nilai Islam — bukan sekadar doa.

03 Dalam Masyarakat

Tegur kemungkaran, sokong jiran susah — bukan tutup mata sahaja.

MUHASABAH DIRI

8 SEMAKAN

Tandakan kotak di bawah untuk nilai diri sendiri:

- ☐ Saya jujur dalam kerja dan perniagaan
- ☐ Saya adil kepada keluarga dan rakan
- ☐ Saya tidak pilih-pilih hukum Allah
- ☐ Saya peduli isu ummah di sekeliling
- ☐ Nilai Islam ada dalam cara saya bekerja
- ☐ Saya ajar keluarga Islam secara menyeluruh
- ☐ Saya elak sumber pendapatan yang haram
- ☐ Saya sumbang kepada kebaikan masyarakat

> *"Apakah kamu beriman kepada sebahagian Al-Kitab dan kufur dengan sebahagian yang lain?"*
>
> — Al-Baqarah · 85

Tadabbur Juzuk 30

Surah yang kita baca setiap hari, akhirnya bercakap terus ke hati.



ISI UTAMA

- Bermula dari An-Naas hingga An-Naba', surah yang paling biasa kita baca dahulu.
- Setiap surah: ayat, terjemahan dan tadabbur yang dakwi serta tarbawi.
- Transisi pengembaraan jiwa yang menyambung satu surah ke surah seterusnya.

358	37	36
HALAMAN	SURAH	TRANSISI

DALAM SAMPEL INI

Senarai kandungan 14
Muqadimah 16
Transisi pembuka perjalanan 17
Ayat Surah An-Naas & terjemahan 18
Tadabbur Surah An-Naas 19
Transisi An-Naas ke Al-Falaq 22

KANDUNGAN SURAH

MUQADIMAH	6
SURAH AN-NAAS	2
SURAH AL-FALAQ	12
SURAH AL-IKHLAS	20
SURAH AL-LAHAB	27
SURAH AN-NASR	34
SURAH AL-KAFIRUUN	41
SURAH AL-KAUTHAR	49
SURAH AL-MA'OON	57
SURAH QURAISY	64
SURAH AL-FIIL	71
SURAH AL-HUMAZAH	79
SURAH AL-'ASR	88
SURAH AL-TAKATHUR	96
SURAH AL-QAARI'AH	105
SURAH AL-'ADIYAAT	113
SURAH AL-ZALZALAH	122
SURAH AL-BAYYINAH	132
SURAH AL-QADR	140
SURAH AL-'ALAQ I	148
SURAH AL-'ALAQ II	157
SURAH AL-TIN	166
SURAH AL-SYARHU	174

SURAH AL-DHUHA 184
SURAH AL-LAIL 194
SURAH AL-SYAMS 203
SURAH AL-BALAD 213
SURAH AL-FAJR 222
SURAH AL-GHASYIAH 233
SURAH AL-A'LAA 244
SURAH AL-TORIQ 254
SURAH AL-BURUUJ 266
SURAH AL-INSYIQAQ 276
SURAH AL-MUTOFFIFIN 288
SURAH AL-INFITOR 297
SURAH AL-TAKWIR 307
SURAH 'ABASA 318
SURAH AN-NAZI'AAT 331
SURAH AL-NABA' 343
TENTANG PENULIS 349

Tulisan dan catatan ini hanya perkongsian setelah saya melalui ayat-ayat ini berkali-kali. Beberapa tahun dan berkongsi dengan orang demi orang. Rasanya ia tidak boleh ditinggalkan begitu saja kerana ingatan kita mungkin hilang, pudar dan lemah. Daya rasa dan 'feeling' ini mungkin tidak datang lagi selepas ini. Hasilnya lahirnya catatan-catatan ringkas ini, untuk menjadi saham yang mampu saya lakarkan dalam hidup yang pendek ini.

Mentadabbur tidak sama dengan mentafsir. Tadabbur hanya mengambil pengajaran sekadarnya dari mana-mana ayat setelah difahami darinya sekadar mampu. Tidak ada orang yang boleh menghalang sesiapa dari merasai dan merefleski. Ia adalah suatu yang datang dari dalam diri secara tidak langsung, ingin atau tidak ingin. Dan ia berbeza dari seorang ke seorang yang lain. Berbeza dari satu masa ke suatu masa yang lain. Berbeza dari satu pengalaman dan situasi kepada situasi yang berbeza.

Menafsirkan ayat memerlukan syarat, pra syarat yang ketat dan ilmu yang mencukupi. Tetapi mentadabbur atau berperasaan dan merefleksi tidaklah begitu. Cuma tadabbur memerlukan sedikit panduan yang tidaklah boleh sewenang-wenangnya dilakukan, ditakuti menyeleweng yang jauh dari sepatutnya.

Catatan ini hanya lintasan khawatir dari refleksi yang mampu saya coretkan di dalam tulisan pendek ini. Ia adalah perasaan dan lintasan yang diperolehi ketika menatapi surah-surah dari juz amma (juz 30).

Jiwa itu fikir ia sudah kenal Juz 30 ini.
Sudah hafal sejak kecil. Sudah ulang beribu kali dalam solat.
Bunyinya sudah sebati sebati seperti nafas, seperti sesuatu yang ada tapi tidak lagi dirasa.
Dan itulah masalahnya.
Kerana ada perbezaan antara surah yang duduk di hujung lidah dan surah yang duduk jauh di dalam, di tempat paling sunyi dalam diri seorang manusia.
Jiwa itu baru sedar ia selama ini membaca dengan mata. Bukan dengan hati.
Maka hari ini ia memilih untuk duduk bersama setiap surah.
Untuk tidak sekadar membaca tapi untuk bertanya kepada diri sendiri soalan yang selama ini ditakuti untuk ditanya.
Perjalanan ini akan bermula dengan satu surah yang semua orang tahu bunyinya.
Tapi mungkin belum ramai yang tahu betapa peliknya manusia itu sendiri.
Jiwa itu mengambil nafas. Dan melangkah masuk.



An-Naas

Surah ke-114 · 6 Ayat · Makkiyyah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ
مَلِكِ النَّاسِ
إِلَٰهِ النَّاسِ
مِن شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ
الَّذِي يُوَسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ
مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ

Katakanlah: Aku berlindung kepada Tuhan sekalian manusia,
Raja sekalian manusia,
Sembahan sekalian manusia,
Dari kejahatan pembisik yang suka bersembunyi,
Yang membisikkan kejahatan ke dalam dada manusia,
Dari golongan jin dan manusia.

SURAH AN-NAAS
(SURAH KE 114)

Walaupun surah ini letaknya terakhir dalam susunan al-Quran, tetapi kemungkinan ianya dibaca awal-awal oleh kita. Sejak kecil kita begitu didedahkan dengan surah ini. Begitu juga bagi kita masyarakat Melayu, akan menjadikan surah ini sebagai surah bacaan sentiasa bagi setiap solat, terawih dan tahlil. Ia adalah terlalu sering hinggakan disebut sebagai surah-surah lazim. Lazim yang bermaksud biasa dan selalu.

Di sini kita jadikan ia sebagai pembukaan kepada juz 30 yang akan kita cuba lalui, fahami dan tadabburi secara ringkas. Mungkin ada juga dari kalangan kita yang akan memulai juz 30 ini dari surah ammayatasa atau an-naba'. Tidak mengapa. Yang penting untuk kita semua ialah, apakah pengajaran yang dikumpulkan oleh Allah melalui juz dengan ayat-ayat yang pendek ini? Apa sepatutnya kita tadabbur dan sedari ketika membaca surah-surah pendek ini?

Pengumpulan surah-surah pendek di dalam juz 30 ini mempunyai pengertiannya yang tersendiri. Walaupun ianya tidaklah turun secara berturut-turutan, tetapi ia tersusun cantik di dalam juz 30

sesuatu yang berharga ketika setiap kali kita membaca surah yang pendek-pendek ini.

Annaas dengan namanya sendiri memberi gambaran yang mengingatkan kita tentang manusia. Manusia dengan sifatnya yang pelupa dari namanya 'nasiya' (dalam bahasa arab beerti lupa) dan begitu juga sifat-sifat lain yang disebutkan oleh Allah di dalam surah ini.

Manusialah yang di hadapi oleh kita setiap hari, didepani dan kita bergaul dengan mereka. Manusialah yang mengubah emosi dan hati kita setiap kali berjumpa dan di komunikasi. Merekalah banyak mengubah cara hidup dan hala tuju fikir kita. Maka nama ini sudah cukup mengingatkan kita tentang peranan manusia yang ada di dunia ini dan di hadapan kita ini.

Apa masalah manusia? Apakah mereka bermasalah dan memberi masalah kepada kita? Adakah masalah mereka kepada kita?

Oleh kerana kita adalah 'manusia', maka manusia juga yang banyak mempengaruhi kita sebenarnya. Manusialah yang banyak mengganggu dan mengubah kita sebenarnya, selain makhluk lain yang kita kenali sebagai jin dan alam ghaib !

Oleh kerana manusia ini adalah ciptaan dan makhluk Allah, maka ia amat diketahui oleh Allah. Hanya Dia sahaja yang Maha Tahu tentang hakikat manusia. Kejadiannya, asal usulnya, masalahnya, jahat baiknya dan segala tekniknya diketahui oleh Allah sebagai Pencipta yang Esa dan Tunggal. Bahkan manusia sendiri banyak yang tidak dikenali oleh manusia sendiri. Bukan hanya emosi, perasaan, dalaman dan apa yang tidak dapat dikaji dengan tepat, tetapi biologi dan fisiologi manusia sendiri pun hingga kita banyak

Tetapi musuh yang paling besar dan penjahat ini adalah dari kalangan manusia sendiri. Manusialah pengganggu nombor wahid (satu) yang Allah letakkan di dalam ayat ini.

Memang jin dan hantu yang tidak kelihatan itu juga adalah pengganggu manusia, tetapi pengganggu yang lebih jahat sebenarnya dan di berikan nama oleh Allah untuk surah ini adalah manusia. Surah ini bernama ann-naas dan bukannya bernama surah al-jinn.

Kita yang membaca surah ini sepatutnya berhati-hati dengan manusia yang akan menipu kita dari kebenaran. Manusia kadangkala lari dari apa-apa yang betul dan benar hanya kerana dorongan dan teriakan manusia lain. Manusia lah yang banyak menggoda kita dengan labelan, teriakan, media, senyuman, lobian, ugutan, pujuk rayuan, air mata dan pelbagai cara lagi.

Manusialah yang memujuk dan mengganggu mewas-waskan hati kita…..

JAGA-JAGA.. tidak ada yang mampu menghalang kita dari gangguan ini semua melainkan rabbul-Naas !

Jiwa itu baru sedar betapa bahayanya manusia di sekelilingnya lebih berbahaya dari jin yang tidak kelihatan. Ia tahu kini bahawa berlindung kepada Allah bukan sekadar hafalan, tetapi pengakuan yang menggigil dari dalam. Namun ia belum selesai. Kerana berlindung dari manusia tidak cukup jika ada kejahatan lain yang lebih gelap, lebih tersembunyi yang datang bukan dari kata-kata, tetapi dari alam yang tidak terjangkau mata. Jiwa itu melangkah masuk ke dalam Surah al-Falaq, mencari perlindungan yang lebih luas, dari segala yang diciptakan.



Refleksi Hadis 40

Hadis pilihan Imam Nawawi, dihayati untuk hidup hari ini.



ISI UTAMA

- Hadis 40 Imam Nawawi lengkap. Namanya 40, sebenarnya 42 hadis.
- Setiap hadis: matan Arab, terjemahan beserta perawi, kemudian penghayatan.
- Setiap hadis dibuka dengan halaman quote pilihan.

326	42	3
HALAMAN	HADIS	PENYUSUN

DALAM SAMPEL INI

Senarai kandungan 24
Muqadimah 26
Halaman quote Hadis Pertama 27
Matan & terjemahan Hadis 1 28
Penghayatan Hadis 1 29

KANDUNGAN

MUQADIMAH	**6**
HADIS 1	**9**
HADIS 2	**17**
HADIS 3	**27**
HADIS 4	**35**
HADIS 5	**43**
HADIS 6	**52**
HADIS 7	**60**
HADIS 8	**67**
HADIS 9	**75**
HADIS 10	**82**
HADIS 11	**89**
HADIS 12	**94**
HADIS 13	**102**
HADIS 14	**110**
HADIS 15	**119**
HADIS 16	**127**
HADIS 17	**134**
HADIS 18	**141**
HADIS 19	**148**
HADIS 20	**157**
HADIS 21	**164**
HADIS 22	**171**

HADIS 23 **178**
HADIS 24 **187**
HADIS 25 **196**
HADIS 26 **203**
HADIS 27 **210**
HADIS 28 **218**
HADIS 29 **226**
HADIS 30 **235**
HADIS 31 **242**
HADIS 32 **250**
HADIS 33 **257**
HADIS 34 **264**
HADIS 35 **272**
HADIS 36 **279**
HADIS 37 **288**
HADIS 38 **295**
HADIS 39 **302**
HADIS 40 **308**
HADIS 41 **314**
HADIS 42 **320**

memudahkan semua muslim yang mungkin tidak mempunyai kesempatan membaca beribu-ribu hadis di dalam Sahih Bukhari, Muslim, dan lain-lain. Inilah peluang yang ada supaya kita semua nantinya dapat menjawab di hadapan Allah Subhanahu wa Ta›ala bahawa kita telah membaca dan pernah mendengar setidak-tidaknya 40 hadis daripada apa yang diriwayatkan daripada Nabi Sallallahu ‹Alaihi Wasallam.

Kandungan di dalam buku ini merangkumi semua aspek Islam yang sepatutnya difahami oleh seorang muslim. Seolah-olah tidak lengkap untuk menjadi seorang muslim jika banyak daripada perkara dasar dalam Islam yang tidak difahaminya. Inilah peluangnya. Inilah masanya.

Penulis bersyukur kerana Allah Ta›ala memberikan masa dan peluang untuk mendalami kitab ini berkali-kali, menyampaikan ceramah mengenai isinya, dan akhirnya dapat menuliskan catatan-catatan ini yang diharapkan akan memudahkan muslimin dan muslimat mendapat sedikit daripada apa yang disampaikan oleh Nabi Sallallahu ‹Alaihi Wasallam.

Moga-moga kita semua diberkati Allah dengan usaha kita yang sedikit ini.

Amin.
Al-Faqir ila Allah
Kamaru Salam bin Yusof
Suwaibah Muda
Susilastuty Amruddin

HADIS PERTAMA

Sebenarnya, kejayaan dan keberhasilan adalah bukan tujuan, tetapi adalah hadiah dari Allah untuk pekerjanya



HADIS 1
NIAT DAN KEIKHLASAN DALAM SETIAP AMALAN

عَنْ أَمِيْرِ الْمُؤْمِنِيْنَ أَبِيْ حَفْصٍ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللّٰهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ : إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى . فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللّٰهِ وَرَسُوْلِهِ فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللّٰهِ وَرَسُوْلِهِ، وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيْبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ .

Daripada Amirul Mukminin Abu Hafsin ‹Umar ibn al-Khattab Radhiyallahu ‹anh. beliau berkata: Aku mendengar Rasulullah Sallallahu ‹Alayhi Wasallam bersabda:

Sesungguhnya setiap amalan itu bergantung kepada niat, dan sesungguhnya bagi setiap orang itu mengikut apa yang diniatkannya. Sesiapa yang hijrahnya kepada Allah dan RasulNya, maka hijrahnya itu adalah kepada Allah dan RasulNya. Barangsiapa yang hijrahnya kerana dunia yang dia mahu mencari habuannya, atau kerana seorang perempuan yang dia mahu kahwininya, maka hijrahnya itu akan mengikut yang ditujuinya itu.

Hadis ini diriwayat oleh dua orang Imam Ahli Hadis; Abu Abdullah Muhammad ibn Ismail ibn Ibrahim ibn al-Mughirah ibn Barzirbah al-Bukhari dan Abu al-Husain Muslim ibn al-Hajjaj ibn Muslim al-Qusyairie al-Naisaburi, dalam kitab sahih mereka berdua yang merupakan antara kitab yang paling sahih.

PENGHAYATAN HADIS 1

Mari bersama dengan hadis-hadis Rasulullah SAW yang mulia. Alhamdulillah dalam ketika yang pendek ini, ketika membaca sepintas lalu bahan bacaan kesayangan dan pilihan anda ini, tiba-tiba terserempak dengan Baginda SAW yang akan bercerita kepada anda.

Sebagai umat yang menjadi pengikut Baginda SAW, adalah tidak wajar untuk tidak mendengar dan duduk walaupun sebentar mendengar kalimat-kalimat segar dari Baginda SAW. Baginda SAW tidak bercakap dari hawa nafsu dan keinginan sendiri, tetapi apa yang keluar dari mulut Baginda adalah semuanya wahyu dari Yang Maha Kuasa.

Ya.. setiap patah kata-kata Baginda SAW adalah dari Allah, cuma dalam bentuk berbeza dari Quran. Alangkah bertuahnya siapa yang duduk sebentar mendengar ungkapan indah dari Baginda SAW.

Sahabat-sahabat Nabi SAW, yang tidak jemu-jemu mendengar dan mendengar. Kemudiannya mereka menceritakan pula setiap kata-kata Baginda SAW itu sama sebagaimana yang mereka sendiri dengar. Mereka tidak ingin ada pengikut Nabi SAW yang datang kemudian –di akhir zaman- tapi tidak sempat untuk berjumpa Baginda SAW akan hilang arah dan tujuan.

Para sahabat mahu supaya semua umat ini akan mendengar juga sama seperti mereka sendiri mendengar. Alangkah indah dan bangganya mereka jika mereka dapat menunjukkan jalan kepada orang yang datang kemudian. Jalan yang telah mereka ikuti dan kemudian mereka semua sama-sama mendoakan kepada mereka:

‘semoga Allah redha kepada mereka’ radhiyallahu ‘anhum.

Ketika membaca hadis ini, terasa benar keinginan Baginda SAW untuk membetulkan hala tuju dan menginginkan supaya semua amalan umat Baginda SAW benar-benar diterima oleh Allah. Apa gunanya mengajar dan mengajar kebaikan kepada seseorang tapi semua amalan yang dilakukannya hanyalah umpama fatamorgana?

Susah payah Baginda SAW untuk mengeluarkan manusia dari kegelapan dan syirik dan kemudiannya membawa mereka kepada Islam adalah hanya dengan satu tujuan; iaitu supaya mereka semua manusia yang akan selamat dari neraka. Keluarnya mereka dari syirik dan maksiat besar ‘kufur’ adalah supaya mereka nantinya akan bersama-sama beriringan menuju ke syurga akhirnya…

Tetapi.. apakah gambaran luar keluarnya dari syirik dan maksiat ini akan membawa ke syurga?

Tentunya tidak akan berlaku kalau jika semuanya hanya kerana tujuan dan niat yang tidak benar. Apa gunanya Islam – dengan ‘I’ nya berhuruf besar - dan kelihatan tunduk kepada Allah jika hanya kerana tujuan yang tidak benar dan tidak betul.

Kerana malu?

Kerana tujuan duniawi?

Kerana duit dan harta?

Kerana manusia?

Kerana mengikut kawan dan teman?

Peralihan membawa manusia dari kufur kepada iman bukannya satu kerja mudah. Puluhan tahun Nabi SAW telah mengusahakannya. Penuh jerit lelah, peluh dan darah dicurahkan. Akhirnya manusia telah kembali semula kepada Islam setelah sekian lama bergelumang dengan lumpur syirik dan kejahatan. Setelah itu semua, tapinya... apa gunanya jika hanya tunduk dan patuh kerana niat-niat yang lain? Apakah ia akan diganjari?

Usaha kita umat Islam pada hari ini juga adalah sama.

Penat dan mencabar. Kita penat dan letih untuk membawa manusia kembali kepada Islam di zaman yang komplikated ini. Akhirnya ada yang kembali kepada Islam mereka semula setelah selama ini 'Islam' yang hanya keturunan dan ikut-ikutan. Si pembawa dan yang dibawa merasa penat dan ianya amat memakan masa. Tapi benarkah kita akan mendapat ganjaran "siapa yang menunjukkan kepada satu kebenaran dan kebaikan, maka dia akan mendapat pahala si pelakunya"?. Tentunya jika ia kerana niat yang betul sahaja!

Dakwah, membawa manusia kembali mengamalkan Islam mereka, menyampaikan risalah mulia ini kepada manusia yang sedang tenggelam adalah suatu kerja yang sukar.

Kerja begini begitu mudah memesongkan pendakwah dari niat yang betul. Flash kamera, mikrofon, 'like' facebook, tiktok, youtube, viral media Instagram dan lain-lain akan mengalihkan niat dalam sekelip mata. Jika Nabi SAW menganjurkan supaya solat sunat perlu diadakan di rumah dan ketika waktu yang ketiadaan manusia atau manusia sedang nyenyak, maka bagaimanakah dakwah kepada manusia akan dapat dilakukan tanpa pengetahuan manusia...?

Dakwah kerana mencari makan, dakwah kerana kemasyhuran, kerana ke'selebritian', kerana ke'viral'an, kerana manfaat dan dakwah kerana jantina. Ketiga-tiga tarikan yang merosakkan manusia telah disebutkan Baginda SAW. Nafsu perut, nafsu ego dan nafsu jantina !

Betapa sukarnya dakwah dan amal pada hari ini. Kadangkala kemasyhuran dan ke 'like'an disandarkan kerana 'kepentingan dakwah'. Tarikan jantina dikeranakan kerana 'maslahah' tarbiah. Dan lain-lain sebab yang membimbangkan. Itu adalah cabaran niat yang sangat mengerikan kerana ia menghabiskan pahala dalam beberapa detik sahaja.

Memang bukan kita yang menghukum orang lain. Kita tidak diajar untuk menjadi 'penghukum' dan mengatakan si anu tidak ikhlas, si polan memang mencari habuan dunia dan lain-lain. Itu bukan cara Islam. Itu bukan tujuannya. Tujuannya yang lebih penting ialah kita menjaga niat kita sendiri awalnya, dan kemudiannya mengingatkan orang lain. Moga Allah jauhkan kita dari berperasangka buruk kepada orang lain.

Apa yang diajar oleh hadis ini ialah untuk diri kita sendiri yang lebih mengetahui tentang diri kita. Hukumlah diri anda, lihatlah pada niat anda moga ia tidak akan terpesong dan anda pulang dengan tangan kosong berjumpa Allah sedangkan anda telah penat 'berdakwah' dan 'mentarbiah'.

Bekerjalah, berhijrahlah. Hadis ini bukan mahu menghalang anda dari berdakwah dan berhijrah, tetapi ia mahu anda laksanakan semuanya 'KERANA Allah SWT SAHAJA' !.

TENTANG PENULIS

Dr Kamaru Salam Yusof

Ditulis daripada pengalaman bertahun-tahun mengajar kandungan yang sama kepada anak-anak usrah dan masyarakat.

AL-AZHAR	Ijazah Sarjana Muda Syariah
UKM	Sarjana & PhD Ekonomi dan Kewangan Islam
UNISSA	Bekas Timbalan Dekan, Kewangan Islam, Brunei
KINI	Penolong profesor di sebuah universiti di Brunei Darussalam

DISUSUN BERSAMA


Ustazah Suwaibah Muda (B.A. Al-Azhar) dan Susilastuty Amruddin (B.A. Islamic Studies), yang menyunting dan menyusun semula ketiga-tiga buku ini.

> *Ketiga-tiga buku ini lahir daripada halaqah, usrah dan kelas yang berulang kali. Sebab itu bahasanya terus, dekat dan mudah diikuti.*

SEDIA UNTUK MULA?

Tiga buku.
Satu perjalanan ilmu.

FAHAM · TADABBUR · AMAL







SET LENGKAP SIRI ASAS ISLAM

RM100

TIGA BUKU · POS PERCUMA SEMENANJUNG

Sabah, Sarawak & Labuan: tambahan RM5

CARA TEMPAH

imuslimsites.com

ATAU WHATSAPP 011-5304 5530

Tak pasti buku mana sesuai untuk mula? Mesej kami, kami bantu pilihkan.

iMUSLIM PRESS